

28/12/1997

Sukma bantu pelajar perubatan

Raihanah Abdullah

BARU-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta sektor swasta di Asean meningkatkan perdagangan sesama sendiri bagi mengurangkan kesan kejatuhan nilai mata wang di rantau ini.

Dalam hubungan ini, ibu bapa juga seharusnya menimbang semula hasrat untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran di Barat, sebaliknya memilih pusat pengajian tinggi di rantau ini.

Untuk itu, Sukma Anugerah Sdn Bhd sedia membantu pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Indonesia.

Ibu bapa atau pelajar tidak perlu bimbang kerana pusat pengajian tinggi yang dipilih Sukma Anugerah, diiktiraf kerajaan Malaysia.

Setakat ini, Sukma Anugerah mengadakan kerjasama dengan Universiti Padjadjaran di Bandung dan Universiti Malahayati di Lampung, Sumatera.

Universiti Padjajaran terkenal di Indonesia dan pernah menandatangani perjanjian persefahaman dengan 13 pusat pengajian tinggi di beberapa negara di seluruh dunia.

Universiti Malahayati atau Yayasan Alih Teknologi pula mula beroperasi kira-kira lima tahun lalu dan mempunyai tiga fakulti, iaitu kejuruteraan, perniagaan dan perubatan.

Selain memberi tumpuan pada bidang perubatan, Sukma Anugerah juga bercadang mewujudkan kelas kejururawatan untuk menampung kekurangan tenaga di bidang itu selain membantu kerajaan mengambil jururawat dari luar negara.

Sukma Anugerah juga merancang memperkenalkan sistem pendidikan negara ini di Indonesia bagi menarik minat pelajar negara jiran itu melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Sehubungan itu, syarikat terbabit akan bekerjasama dengan beberapa institusi pendidikan di negara ini untuk menarik minat pelajar Indonesia meluaskan ilmu pengetahuan di universiti tempatan.

Sukma Anugerah boleh hubungi di Lot 9, Aras 4, Blok B (Selatan), Pusat Bandar Damansara atau telefon 2541160.

(END)